

**TINGKATAN EMPAT****1. LAMBAIAN KA'BAH****1. HAJI****i. Pengertian haji**

- Bahasa - kunjung
- Istilah - Mengunjungi Baitullah al-Haram di Mekah untuk mengerjakan ibadat tertentu,pada masa tertentu mengikut syarat-syarat tertentu.

**ii. Pengertian umrah**

- Bahasa – ziarah
- Istilah – Menziarahi Baitullah al-Haram di Mekah untuk mengerjakan ibadah tertentu pada bila-bila masa mengikut syarat-syarat tertentu

**iii. Hukum mengerjakan haji dan umrah**

- Wajib ditunaikan sekali seumur hidup bagi yang berkemampuan

**iv. Hikmah haji****1. Individu**

- Menghapuskan dosa-dosa kecil
- Membersihkan jiwa daripada maksiat
- Meningkatkan keimanan
- Memperbaharui ikrar keimanan kepada Allah

**2. Masyarakat**

- Saling berkenalan sesama umat Islam
- Membantu mempertingkatkan ekonomi umat Islam
- Meneguhkan hubungan persaudaraan umat Islam
- Menyatupadukan umat Islam tanpa mengira bangsa dari seluruh dunia

**2. UPAH HAJI****i. Pengertian**

- Melakukan ibadat haji bagi pihak orang lain

**ii. Hukum**

- Harus

**iii. Sebab yang mengharuskan haji diwakilkan kepada orang lain**

- Telah meninggal dunia sebelum sempat mengerjakan haji sedangkan berkemampuan sebelumnya
- Tidak berkeupayaan fizikal seperti terlalu tua atau berpenyakit yang tiada harapan sembah

**iv. Hikmah**

- Memberi peluang kepada orang sakit yang tidak ada harapan sembah dapat mengupah orang lain mengerjakan haji bagi pihaknya
- Orang tua yang hilang upaya dapat mengupah orang lain mengerjakan haji bagi pihaknya
- Memberi peluang kepada anak atau ahli keluarganya berbakti kepada ibu bapa atau keluarga yang telah meninggal dunia

**3. RUKUN HAJI****3.1 WUKUF****i. Pengertian**

- Berada di Padang Arafah walaupun hanya sekejap dalam masa yang telah ditentukan

**ii. Masa**

- Gelincir matahari 9 Zulhijjah hingga terbit fajar 10 Zulhijjah

**iii. Amalan sunat**

- Membanyakkan zikir, tahmid, tasbih, talbiah
- Membaca al-Qur'an
- Berdoa
- Membanyakkan melakukan solat sunat

**3.2 TAWAF****i. Pengertian**

- Mengelilingi kaabah sebanyak tujuh kali dengan syarat-syarat sekali

**ii. Jenis-jenis tawaf**

- Tawaf Qudum – Tawaf selamat datang hukumnya sunat
- Tawaf Sunat - Tawaf ketika menziarahi Masjidil Haram hukumnya sunat
- Tawaf Rukun atau Ifadah – Tawaf yang dilakukan dalam ibadat haji atau umrah hukumnya wajib
- Tawaf Wadak - Tawaf selamat tinggal bagi jemaah haji atau umrah yang hendak meninggalkan kota Mekah hukumnya wajib
- Tawaf Nazar - Tawaf yang ditunaikan kerana sesuatu nazar hukumnya wajib

**iii. Syarat tawaf**

- Suci daripada najis, hadas pada badan dan pakaian
- Menutup aurat
- Bermula pada garisan yang bersetentangan dengan Hajarul Aswad
- Berjalan ke arah hadapan dan bahu kiri sentiasa menghadap Kaabah
- Cukup tujuh kali pusingan
- Dilakukan dalam Masjidil Haram dan di luar Kaabah

**iv. Sunat-sunat tawaf**

- Beristilam atau berjabat ke Hajaral aswad kemudian mengucup tapak tangan apabila sampai bertentangannya
- Melakukan berturut-turut tujuh pusingan tanpa henti
- Melakukan solat sunat dua rakaat setelah selesai tawaf dan berdoa

**v. Hikmah tawaf**

- Supaya menyedari akan keagungan dan kekuasaan Allah s.w.t.
- Supaya mereka dapat mengingati kembali usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Nabi Ibrahim as bersama anaknya Nabi Ismail as ketika membina Kaabah
- Dapat memperkuuh keimanan kepada Allah
- Dapat menambahkan ketaqwaan kepada Allah di dalam diri manusia.

**3.3 SAIE****i. Pengertian**

- Berulang alik di antara bukit Sofa dan Bukit Marwah sebanyak tujuh kali dengan syarat-syarat yang tertentu

**ii. Syarat-syarat saie**

- Hendaklah dilakukan setelah tawaf rukun atau selepas tawaf Qudum
- Bermula dari Bukit Sofa dan berakhir di Bukit Marwah
- Mencukupi tujuh kali
- Hendaklah sampai ke kedua-dua bukit tersebut
- Dikerjakan di Batnul Wadi iaitu di tempat yang telah ditentukan
- Hendaklah niat saie kerana Allah di Bukit Sofa

**iii. Sunat-sunat saie**

- Mendaki pada kedua-dua bukit tersebut apabila setiap kali sampai ke sana
- Berlari-lari anak di antara kedua-dua bukit
- Keluar mengikut pintu Bukit Sofa apabila sudak selesai saie

**iv. Hikmah saie**

- Mengingati kembali kisah Siti hajar yang telah berlari ke sana ke mari untuk mendapatkan air minuman untuk anaknyaNabi Ismail yang masih kecil
- Mengukuhkan keimanan seseorang kepada Allah kerana menjalankan perintah Allah
- Mengerjakan ibadat saie melambangkan syiar agama Islam
- Mendidik umat Islam supaya tabah dan sabar dalam melakukan pekerjaan

**4. PERKARA WAJIB HAJI****1. Bermalam di Muzdalifah****i.Pengertian**

- berada di Muzdalifa memadai dengan melalui sahja walaupun sekejap dalam masa selepas tengah malam 10 Zulhujjah hingga terbit fajar.

**ii. Amalan sunat di Muzdalifah :**

- Kutip anak batu 70 biji utk melontar.
- Berada disana sehingga terbit fajar.

**2. Bermalam di Mina****i. Pengertian:**

- Berada di Mina sekurang-kurangnya separuh malam, pada mala-malam 11/ 12/ 13 Zulhijjah.

**ii. Amalan sunat ketika bermalam di Mina**

- Berzikir
- Berdoa
- Membaca al-Quran
- Solat Sunat

**3. Miqat****i. Pengertian:**

- Bahasa- sempadan
- Istilah- sempadan masa dan tempat bagi memulakan niat haji dan umrah

**ii. Jenis-jenis miqat**

1. Miqat Zamani: sempadan masa bagi mengerjakan haji dan umrah. ( Haji :1 Syawal – 10 Zulhijjah / Umrah : sepanjang tahun.)
2. Miqat Makani: sempadan tempat bagi mengerjakan haji dan umrah

**iii. Nama-Nama Mikat Makani :**

- Haji :
  - Zulhulaifah : dari Utara Madinah
  - Yalamlam : dari Asia ( kapal laut )
  - Qornul Manazil : dari Quwaijt/ Yaman/ Malaysia
  - Zatul Iqrin : dari Iraq
  - Kediaman sendiri : penduduk Mekah
- Umrah :
  - Tanaim / Ja'ranah / Hudaibiah : ( Penduduk Mekah dan mereka yang berada di Mekah.)

**iv. Hikmah Miqat**

- Memulakan ibadah haji dan umrah kerana setiap pekerjaan ada tempat permulaan.
- Memudahkan jemaah haji menyusun jadual untuk memulakan haji.
- Supaya jemaah haji tidak keliru.
- Memulakan niat haji dan umrah.

**5. DAM****i.Pengertian**

- Bahasa – darah
- Istilah - Denda yang dikenakan ke atas jemaah haji kerana melakukan kesalahan semasa mengerjakan haji dan umrah

**ii. Jenis-jenis dam dan konsepnya**

- Dam Tertib - Dam yang dibayar mengikut susunan
- Dam Takdil - Dam yang dibolehkan membayar mengikut nilai harga dam
- Dam Takdir - Dam yang dibayar mengikut kadar yang ditentukan mengikut kemampuan
- Dam Takhyir - Dam yang dibolehkan memilih mana-mana jenis dam yang telah ditetapkan oleh syarak

**(a) DAM TERTIB DAN TAKDIR**Kesalahan-kesalahan yang dilakukan:

- ◆ Mengerjakan haji Tamattuk atau haji Qiran
- ◆ Meninggalkan perkara wajib haji
- ◆ Tidak mengerjakan tawaf Widak
- ◆ Meninggalkan wukuf di Padang Arafah
- ◆ Meninggalkan perkara sunat yang dinazarkan

Dam yang wajib dibayar:

- ◆ Menyembelih seekor kambing
- ◆ Jika tidak mampu, hendaklah berpuasa selama sepuluh hari , tiga hari semasa mengerjakan haji dan tujuh hari ditempat sendiri

**(b) DAM TERTIB DAN TAKDIL**Kesalahan-kesalahan yang dilakukan:

- ◆ Melakukan persetubuhan sebelum melakukan tahallul awal

Dam yang wajib dibayar:

- ◆ Menyembelih seekor unta, jika tidak mampu
- ◆ Menyembelih seekor lembu, jika tidak mampu
- ◆ Menyembelih tujuh ekor kambing,jika tidak mampu
- ◆ Bersedekah makanan mengikut nilai seekor unta, jika tidak mampu
- ◆ Berpuasa mengikut bilangan cupak makanan yang dapat dibeli dengan nilai seekor unta

**(c) DAM TAKHYIR DAN TAKDIL**Kesalahan-kesalahan yang dilakukan:

- ◆ Berburu binatang buruan
- ◆ Menebang,mengerat,mencabut atau memusnahkan pokok di Tanah Haram Mekah

Dam yang wajib dibayar:

- ◆ Menyembelih binatang yang boleh dibuat korban seperti kambing
- ◆ Bersedekah makanan mengikut nilai harga seekor kambing
- ◆ Berpuasa mengikut bilangan cupak makanan yang dapat dibeli dengan harga kambing tersebut

**(d) DAM TAKHYIR DAN TAKDIR**Kesalahan-kesalahan yang dilakukan:

- ◆ Menggugurkan sekurang-kurangnya tiga helai rambut
- ◆ Memotong kuku
- ◆ Memakai pakaian yang dilarang semasa ihram
- ◆ Memakai minyak rambut
- ◆ Memakai bau-bauan
- ◆ Bercumbu-cumbuan
- ◆ Bersetubuh selepas tahalul awal sebelum tahalul thani
- ◆ Bersetubuh untuk kali yang kedua selepas jimat yang merosakkan haji

Dam yang wajib dibayar:

- ◆ Menyembelih seekor kambing atau
- ◆ Bersedekah kepada enam fakir miskin dengan setiap seorang dua cupak atau
- ◆ Berpuasa selama tiga hari

**iii. Hikmah-hikmah dam**

- Supaya sentiasa bertanggungjawab terhadap segala kekurangan dalam ibadah
- Supaya jemaah haji menjaga disiplin semasa menunaikan ibadah haji
- Supaya jemaah haji sentiasa berwaspada daripada melakukan larangan semasa ihram
- Supaya jemaah haji dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap amalan yang dilakukan
- Supaya jemaah haji dapat menunaikan haji dengan teratur
- Untuk menguji kesabaran dan ketabahan jemaah haji
- Supaya orang islam memahami bahawa setiap kesalahan ada hukumnya

**iv. Cara Mengerjakan Haji**

- Pengertian Haji Ifrad
  - Mengerjakan amalan haji dan umrah secara berasingan semasa melakukan umrah sebelum masuk bulan haji atau mengerjakan haji dahulu diikuti mengerjakan umrah
- Pengertian Haji Tamattuk
  - Mengerjakan umrah terlebih dahulu pada bulan haji di ikuti dengan mengerjakan haji.
- Pengertian Haji Qiran
  - Mengerjakan ibadah haji dan umrah secara serentak dalam haji.

## v. Kelebihan Dan Masalah Setiap Jenis Haji

Jenis Haji	Kelebihan	Masalah
• <u>Haji Ifrad</u>	-Lebih afdal. -Tidak dikenakan bayaran dam. -Lebih besar pahala.	-Mengambil masa yang panjang. -Memerlukan kesabaran .
• <u>Haji Tamattuk</u>	-Masa yang pendek. -Memberi kemudahan kepada jemaah haji yang uzur.	-Dikenakan bayaran dam. -Kurang fadilatnya.
• <u>Haji Qiran</u>	-Masa ibadah pendek. -Memberi kesenangan dan kemudahan.	-Dikenakan bayaran dam. -Kurang fadilat.

## 2. SEMBELIHAN

### i. Pengertian

- Menghilangkan nyawa binatang yang halal dimakan dengan cara memutus urat halkum dan urat marik dengan menggunakan alat yang tajam dengan niat kerana Allah.

### ii. Rukun

- Penyembelih
- Binatang sembelihan
- Alat sembelihan

### iii. Syarat sah

- Penyembelih
  - Islam
  - Tidak dalam ihram haji atau umrah
- Binatang sembelihan
  - Halal dimakan.
  - Mati dengan sekali sembelihan.
  - Putus urat halku dan urat marik. (مرى)
- Alat sembelihan
  - Benda yang tajam kecuali gigi, tulang, kuku, rambut dan tali.

### iv. Perkara Sunat Sembelihan

- Menyebut nama Allah (bismillah).
- Menyembelih bahagian pangkal leher dengan memutuskan kedua-dua urat (halkum/marik).
- Membaca selawat.
- Menggunakan alat sembelihan paling tajam.
- Menghadapkan binatang ke arah kiblat .
- Membaringkan binatang sebelah rusuk kiri.
- Melakukan sembelihan disiang hari.

**v. Hikmah**

- Boleh mematikan binatang dengaqn cepat dan selamat.
- Memastikan daging yang dimakan bersih dan bermutu.
- Sembelihan dengan nama Allah untuk memeliharkan aqidah.
- Sebagai tanda kehurmatan manusia ke atas makhluk ciptaan Allah.
- Membezakan di antara daging yang halal dan haram.

**3. KORBAN****i. Pengertian**

- menyembelih ternakan tertentu (al-an'am) pada Hari raya Aidil Adha dan pada hari-hari tasyrik kerana beribadah kepada Allah .

**ii. Hukum korban**

- Sunat muakad bagi yang mampu
- Sunat kifayah bagi sesebuah keluarga
- Wajib jika bernazar

**iii. Syarat-syarat sah korban**

- Binatang ternakan tertentu seperti kambing biri-biri,kibas
- Ternakan tidak cacat
- Ternakan cukup umur
- Niat kerana Allah

**iv. Waktu korban**

- Selepas naik matahari atau solat hari raya korban hingga jatuh matahari hari tasyrik (13 Zulhijjah )

**v. Hukum pembahagian daging korban**

- Wajib disedekahkan kepada fakir miskin
- Harus dibuat jamuan untuk orang ramai termasuk orang kaya
- Haram diberi kepada orang kafir
- Daging korban nazar haram dimakan

**vi. Sunat korban**

- Membaca bismillah,selawat atas Nabi
- Menggunakan alat sembelihan yang tajam
- Binatang yang disembelih mengadap kiblat
- Memilih binatang yang sihat

**vii. Pembahagian daging korban**

- 1/3 bahagian disedekahkan kepada fakir miskin
- 1/3 dimasak untuk jamuan
- 1/3 dimakan oleh orang berkurban

**viii. Hikmah korban**

- Meningkatkan ketaqwaan kepada Allah
- Mengingati peristiwa Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail yang sanggup berkorban kerana menjalankan perintah Allah
- Mengeratkan persaudaraan dikalangan orang ramai kerana member i sedekah dan memberi makan
- Melatih diri bersifat sanggup berkorban pada jalan kebaikan
- Mendidik umat Islam supaya berkorbana harta dan nyawa demi menegakkan syiar Islam

**4. AKIKAH****i. Pengertian :**

- Menyembelih ternakan tertentu kerana menyambut kelahiran bayi sebagai tanda kesyukuran kepada Allah.

**ii. Syarat sah aqiqah**

- Binatang ternakan tertentu sahaja (lembu).
- Binatang Tidak cacat.
- Cukup umur.
- Lafaz niat kerana Allah.

**iii. Hikmah Penyembelihan Aqiqah**

- Sebagai tanda kesyukuran kerana dikurniakan cahaya mata.
- Mengeratkan persaudaraan.
- Mendekatkan kanak-kanak yang baru lahir dengan perkara-perkara kebaikan.

**iv. Waktu**

- Lebih afdal dilakukan pada hari ketujuh selepas kelahiran bayi.
- Harus pada bila-bila sahaja sehingga baligh.

**v. Hukum Pembahagian Daging**

- Tidak wajib disedekahkan.
- Sunat dimasak manis.
- Sunat dibuat jamuan.
- Sunat tidak mematahkan tulang daging.

**5. MUAMALAT****1. JUAL BELI****i. Pengertian**

- Menukar barang dengan barang mengikut cara tertentu

**ii. Rukun jual beli**

- Penjual dan pembeli
- Barang
- Harga
- Ijab dan Kabul

**iii. Syarat penjual dan pembeli**

- Islam
- Mukallaf
- Hendaklah kemahuan sendiri
- Merdeka
- Tidak bankrup

**iv. Syarat barang**

- Bersih dan suci
- Berfaedah
- Kepunyaan penjual atau wakilnya
- Mengetahui jenis,kadar atau sifat barang

**vi. Syarat harga**

- Bersih
- Kepunyaan pembeli
- Harga itu mampu diserahkan oleh pembeli kepada penjual
- Mengetahui jenis matawang yang digunakan

**vii. Syarat ijab dan Kabul**

- Tidak diselangi oleh perkataan yang lain
- Bersamaan ijab dan Kabul walaupun berlainan lafaz
- Tidak boleh ditaklik
- Tidak boleh dihadkan masanya

**viii. Hikmah jual beli**

- Memudahkan masyarakat memperoleh barang keperluan
- Memberi peluang kepada golongan tertentu menjalankan urusan jual beli untuk menambah pendapatan
- Mewujudkan masyarakat yang saling bekerjasama antara satu sama lain

**2. SEWA****i. Pengertian**

- Satu perjanjian untuk memiliki manfaat atau faedah dari suatu barang yang diterima daripada orang lain dengan bayaran yang sesuai dengan perjanjian yang telah ditentukan.

**ii.Rukun Sewa**

- Penyewa dan pembeli sewa.
- Bayaran sewa.
- Faedah/ manfaat dari sewaan.
- Ijab Kabul.

**iii.Syarat-Syarat Sah Sewaan**

- Kedua-dua pihak bersetuju mengadakan kontrak.
- Barang yang disewa memberi faedah dan haruskan oleh syarak.
- Barang yang disewa bukan menjadi kewajipan kepada orang yang memberi sewa.
- Manfaat yang btercatat dalam kontrak boleh digunakan.

**iv. Tamat Kontrak Sewa**

- Barang yang disewa hilang atau musnah.
- Batal kontrak.
- Kontrak sewa tamat.
- Tidak menepati syarat-syarat kontrak .
- Barang yang disewa rosak.

**3. SYARIKAT****i. Pengertian**

- perjanjian perkongsian terhadap sesuatu perkara yang dilaksanakan dua pihak atau lebih.

**ii. Rukun syarikat**

- Ahli syarikat
- Modal
- Pekerjaan
- Ijab dan Kabul

**iii. Syarat ahli syarikat**

- Berakal
- Baligh
- Merdeka
- Kemahuan sendiri
- Dikendalikan oleh ahli syarikat

**iv. Syarat modal**

- Harta dan kepakaran
- Jenis wang barang yang boleh disukat
- Keuntungan dan kerugian ditanggung bersama

**v. Syarat syighah**

- Perkataan dalam lafaz mengandungi erti izin untuk menguruskan harta syarikat

**vi. Hikmah syarikat**

- Salah satu cara memajukan ekonomi
- Dapat mengadakan perniagaan yang lebih besar
- Dapat membimbing masyarakat untuk hidup bekerjasama antara satu sama lain
- Dapat mengeratkan hubungan silaturrahim
- Memimpin masyarakat bersifat jujur

**vii. Perkara yang membatalkan syarikat**

- Syarikat dibatalkan oleh salah seorang rakan kongsi
- Kematian salah seorang daripada ahli yang berkongsi
- Salah seorang rakan kongsi murtad
- Hilang kelayakan seperti gila yang berterusan

**4. SAHAM****i. Pengertian :**

- Sejenis terbita yang dikeluarkan oleh syarikat sebagai alat pemilikan

**ii. Hukum**

- Harus

**iii. Jenis-Jenis Saham**

- Saham yang berlandaskan syara'
- Saham bebas daripada riba.
- Saham tiada dividen tetap.
- Saham tiada spekulasi.
- Saham yang tidak melabur dalam urus niaga haram.

**iv. Perbezaan Antara Saham Yang Diharuskan Dengan Saham Yang Diharamkan:**

<b>Bil</b>	<b>Saham yang diharuskan</b>	<b>Saham yang diharamkan</b>
1	Berlandaskan hukum syara'	Berlandaskan peraturan ciptaan manusia
2	Pelaburan dalam bidang halal	Bertentangan dengan syara'
3	Tiada unsur penipuan	Terdapat unsur penipuan
4	Tidak bercampur dengan perniagaan haram	Bercampur dengan perniagaan yang haram
5	Jenis pelaburan jelas	Jenis pelaburan tidak jelas (syubhah)

**5. HUTANG****i. Pengertian :**

- Memberi sesuatu barang atau manfaatnya pada seseorang.

**ii. Hukum Memberi Dan Membayar Hutang:**

- Hukum memberi hutang ialah sunat.
- Hukum membayar hutang ialah wajib.

**iii. Sebab-Sebab Dbolehkan Berhutang**

- Untuk membantu mereka yang memerlukan kewangan.
- Meringankan bebanan tanggungan golongan miskin.
- Mewujudkan sifat tolong menolong.

**iv. Cara Melaksanakan Urusan Hutang :**

- Hendaklah dicatat dari segi kadar hutang tarikh dan tempoh bayar balik
- Juru tulis hendaklah jujur.
- Saksi ( lelaki 1 / perempuan 2 )
- Tiada unsur riba.
- Segala urusan berdasarkan kepada Allah.

**v. Rukun-Rukun Hutang:**

- Penerima dan pemberi hutang.
- Barang yang diberi hutang.
- Sighah ( akad pemberian hutang )

**vi. Hikmah Hutang:**

- Membantu golongan susah.
- Menglak dari sifat malas dan meminta-minta.
- Memberi peluang golongan miskin./membaiki taraf ekonomi meraka.

**vii. Perbezaan Hutang Dengan Riba**

<b>Perkara</b>	<b>Hutang</b>	<b>Riba</b>
<b>1. Pengertian</b>	- Memberikan sesuatu hutang atau manfaat kepada seseorang.	- Bayaran pertambahan atau bunga dalam urusan jual beli / hutang atau pinjaman.
<b>2. Hukum</b>	- Harus.	- Haram.
<b>3. Tujuan</b>	- Wujud silaturrahim membantu orang susah.	- Wujud penindasan mengambil faedah dari kesusahan orang lain.
<b>4. Cara Bayaran</b>	- Nilai tetap.	- Nilai bertambah.

**TINGKATAN 5****1. PERKAHWINAN DALAM ISLAM****1. PERKAHWINAN****i.Pengertian:**

- **Bahasa:** cantum atau himpun.
- **Istilah:** Akad yang menggunakan lafaz nikah yang sah, untuk hidup bersama, tolong menolong yang menghalalkan lelaki dan perempuan melakukan persetubuhan.

**ii.Hukum Perkahwinan**

- *Harus* – orang lelaki yang tidak mempunyai perkara terdesak untuk berkahwin dan tiada perkara yang menharangkan berkahwin.
- *Wajib* – orang lelaki yang berkemampuan menunaikan nafkah zahir dan batin, sehat tubuh badan serta ditakuti terjerumus ke pada zina sekiranya tidak berkahwin.
- *Sunat* – orang lelaki yang berkemampuan menunaikan nafkah zahir dan batin, sihat tubuh badan serta ber keinginan berkahwin tetapi tidak dibimbangi terjerumus ke dalam zina.
- *Makruh* – orang lelaki yang tidak kemampuan untuk member nafkah tetapi ingin berkahwin.
- *Haram* – lelaki yang tidak brkemampuan menunaikan nafkah zahir dan batin atau berkahwin untuk melakukan kezalian terhadap pasangannya.

**iii.Sebab Islam Menggalakkan Perkahwinan**

- Untuk memenuhi tuntutan fitrah manusia.
- Allah menjanjikan ganjaran yan berlipat ganda di dunia dan di akhirat.
- Untuk mengelakkan dari melakukan perbuatan maksiat dan zina.
- Untuk mengikut sunnah Rasulullah s.a.w.

**iv.Hikmah Perkahwinan**

- Pada individu
  - Dapat mengelakkan diri dari melakukan maksiat dan zina.
  - Dapat melakukan sex secara halal.
  - Member ketenteraman jiwa.
  - Mendapat zuriat yang sah.
- Pada masyarakat
  - Dapat memupuk kasih saying suami isteri.
  - Dapat memupuk rasa tanggungjawab terhadap keluarga.
  - ,emjalin hubungan silaturrahim antara keluarga perempuan dan lelaki.
  - Meningkatkan ekonomi rumah tangga dan masyarakat.

**2. MEMINANG****i.Pengertian:**

- Lamaran daripada seorang lelaki kepada seorang perempuan untuk dijadikan isteri.
- Lamaran boleh diajukan kepada wali perempuan atau orang tengah atau orang perantaraan.

**ii.Perempuan Yang Haram Dipinang:**

- Isteri orang.
- Masih dlm tempoh iddah.
- Tunang orang.

**3. RUKUN NIKAH****3.1. WALI NIKAH****i.Pengertian**

- Orang yang berkuasa mengahwinkan seseorang perempuan

**ii. Jenis-jenis wali**

- wali nasab
- wali hakim

**iii. Jenis wali nasab**

- **wali mujbir** iaitu bapa dan datuk yang berhak mengahwinkan perempuan yang masih gadis tanpa persetujuannya terlebih dahulu dengan syarat sekufu dengannya.
- **wali bukan mujbir** iaitu mereka selain bapa dan datuk seperti saudara lelaki seibus seapa atau sebapa.

-Wali hakim iaitu mereka yang diberi kuasa oleh Sultan atau pemerintah untuk mengahwinkan perempuan ketika ketidaaan wali atau walinya hilang.

**iv. Syarat sah wali nikah**

- Islam
- Lelaki
- Baligh
- Berakal
- Tidak dalam iham haji
- Tidak dipaksa
- Merdeka

**3.2. SAKSI NIKAH****i.Kepentingan:**

- Boleh memberi keterangan sekira berlaku sesuatu pertikaian.
- Memuliakan majlis akad nikah.
- Menjamin sesuatu nikah itu sah .
- Mengelak berlaku fitnah.

**ii.Bilangan saksi aqad dalam perkahwinan :**

- Dua orang.

**iii.Syarat saksi:**

- Islam .
- Lelaki.
- Baligh.
- Adil/ tidak fasik.
- Mendengar/ tidak pekak.
- Melihat tidak buta.
- Merdaka .....

**4. WALIMATUL URUS****i.Pengertian:**

- Kenduri atau jamuan yg diadakan untuk meraikan perkahwinan.

**ii. Adab walimatul urus:**

- Jamuan secara sederhana, tidak berlebih-lebihan yang membawa kepada pembaziran.
- Tidak menimbulkan riak dan bangga diri ketika mengadakannya.
- Unsur maksiat dan khurafat dijauhi seperti mengadakan upacara tepong tawar/tolak bala, percampuran bukan mahram tanpa batasan.
- Harus mengadakan pertunjukkan silat, permainan kompong, gendang, nasyid berunsur nasihat. serta ucapan selamat kepada penganti.

**iii.Hikmah**

- Melahirkan rasa kesyukuran kepada Allah kerana dapat membina rumah tangga.
- Melahirkan rasa kegembiraan atas ikatan perkahwinan.
- Mengisyiharkan kepada orang ramai bahawa pasangan telah menjadi suami isteri yang sah.
- Mengikut ajaran Agama Islam dan Sunnah.
- Rasulullah s.a.w.

**2. PENYELESAIAN RUMAH TANGGA****1. TALAK****i.Pengertian**

- **Bahasa** : cerai atau lepas.
- **Istilah** : perceraian daripada ikatan perkahwinan antara suami dan isteri melalui lafaz talak atau cerai.

**ii. Hukum talak adalah harus.****iii. Hukum menjatuhkan talak mengikut keadaan dan situasi seseorang :**

- **Wajib** : apabila suami tidak dapat melaksanakan kewajipan seperti member nafkah atau zalim terhadap isteri hingga mengancam nyawa

- **Sunat** : apabila isteri memiliki akhlak yang buruk dan tiada cara lain memperbaikinya kecuali dengan talak.
- **Haram** : apabila suami menjatuhkan talak pada waktu yang diharamkan seperti isteri dalam haid,nifas,hamil atau talak yang bertujuan menganiayainya
- **Makruh**: menceraikan isteri tanpa sebab atau menceraikan isteri yang baik dan solehah

#### **iv. Rukun talak**

- Orang yang menceraikan (suami)
- Orang yang diceraikan (isteri)
- Lafaz cerai

#### **v. Hikmah diharuskan talak**

- Memberi peluang memulakan hidup baru
- Dapat mengurangkan tekanan emosi suami dan isteri
- Dapat memberi pengajaran kepada suami isteri pentingnya penghayatan agama Islam dalam kehidupan
- Menepati fitrah manusia yang ingin bebas daripada sebarang masalah

#### **vi. Jenis-jenis talak**

- **Talak Sunni**  
Talak mengikut syarak iaitu menceraikan isteri dengan talak satu atau dua ketika isteri suci daripada haid,nifas dan tidak disetubuhi
- **Talak Bid'ie**  
Talak tidak ikut syarak iaitu ceraikan isteri dengan talak tiga sekaligus atau menceraikan isteri ketika isteri haid,nifas atau telah disetubuhi
- **Talak Raj'i**  
Talak satu atau talak dua yang belum tamat idah dan suami boleh merujuk bekas isterinya tanpa akad dan mahar baru
- **Talak Bain**  
Talak yang tidak boleh dirujuk semula kecuali dengan akad nikah dan mahar yang baru

#### **vii. Jenis talak bain**

- **Talak bain Sughra**  
Talak yang tidak boleh dirujuk kecuali dengan akad nikah dan mahar yang baru.  
Contoh : cerai cara fasakh,khuluk atau ila'
- **Talak Bain Kubra**  
Talak tiga yang mengharamkan bekas suami mengahwini semula kecuali setelah memenuhi tiga syarat di bawah:
  - i. selepas bekas isteri berkahwin dengan lelaki lain
  - ii. disetubuhi
  - iii. diceraikannya serta telah telah menjalani tempoh idah

**viii. Hikmah-hikmah Islam menetapkan kuasa talak ke atas suami**

- Orang lelaki mempunyai hak dalam mengendalikan semua urusan rumah tangga.
- Kaum lelaki adalah pemimpin dalam sebuah institusi.
- Kaum lelaki lebih cermat, berhati-hati serta tabah menghadapi kesulitan.
- Kaum lelaki berpandangan jauh.

**2. RUJUK****i. Pengertian**

- Suami yang mengambil kembali isteri yang telah diceraikan kepangkuannya.

**ii. Rukun**

- Orang yang merujuk (suami).
- Orang yang dirujuk (isteri).
- Lafaz rujuk (soreh/kinayah).

**iii. Syarat Rujuk.**

- Orang yang merujuk (suami)
  - Islam.
  - Baligh.
  - Berakal.
  - Kemahanan sendiri.
- Orang yang dirujuk (isteri)
  - Islam.
  - Telah disetubuh oleh suami.
  - Bukan perceraian secara fasakh atau khuluk.
  - Bukan dijatuahkan talak tiga.
  - Masih dalam tempoh iddah.
- Lafaz rujuk (sirah)
  - Menggunakan lafaz rujuk.
  - Tidak bertaklik.
  - Tidak menentukan masa.

**iv. Hikmah Rujuk**

- Bertepatan dengan fitrah manusia yang ingin kembali ke pangkal jalan.
- Suami isteri diberi peluang untuk menyembung semula hubungan mereka.
- Suami dan isteri berkesempatan memperbaiki kesalahan mereka.
- Dapat memberi ketenteraman jiwa.

**3. IDDAH****i. Pengertian:**

- Tempoh masa yang wajib bagi perempuan menunggu selepas diceraikan oleh suami sama ada bercerai hidup atau mati

**ii. Jenis:**

- kematian suami
- perceraian

**iii. Tempoh iddah:**

<b>Iddah Bercerai Hidup</b>		<b>Iddah Cerai Mati</b>	
Situasi isteri	Tempoh iddah	Situasi isteri	Tempoh iddah
hamil	Hingga lahir anak	hamil	Hingga lahir anak
Tidak hamil	3 x suci	Tidak hamil	4 bulan 10 hari
Putus haid	3 bulan	Putus haid	4 bulan 10 hari
Belum disetubuhi	Tiada haid	Belum disetubuhi	4 bulan 10 hari

**iv. HAK STATUS ISTERI SEMASA IDDAH**

<b>Iddah Yang Boleh Dirujuk (Raj'ie)</b>	<b>Iddah Yang Tidak Boleh Dirujuk/Fasakh/Khulq (Bain)</b>	<b>Iddah Dengan Sebab Kematian Suami</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Masih dibawah tanggungan suami</li> <li>- Berhak dpt tempat tinggal &amp; nafkah zahir</li> <li>- Tidak boleh keluar rumah tanpa izin suami</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- TIDAK HAMIL Tempat Tinggal sahaja</li> <li>- HAMIL Tempat tinggal &amp; nafkah zahir batin</li> </ul>	Wajib tempat tinggal

**v. HAK ISTERI SELEPAS IDDAH**

Tidak berhak dapat tempat tinggal dan nafkah	Suami tidak bertanggung jawab ke atasnya	Boleh menentukan cara hidup sendiri
--	--	-------------------------------------

**vi. Larangan semasa iddah:**

- haram dipinang
- tidak dibenar keluar rumah tanpa kebenaran bekas suami
- haram berkahwin dengan orang lain.

**vii. Hikmah:**

- Memberi peluang berfikir & memperbaiki kesilapan
- Tanda sedih di atas kematian suami

**4. NUSYUZ****i. Pengertian:**

- **Bahasa:** Derhaka / Ingkar
- **Istilah :** Isteri yang derhaka atau ingkar kepada suami tanpa alasan yang munasabah.

**ii. Hukum:**

- Haram

**iii. Perkara yang boleh membawa nusyuz:**

- Isteri keluar rumah tanpa izin suami
- Isteri menolak ajakan jimak dgn tiada keuzuran
- Isteri bersikap kasar dengan suami/angkat suara
- Isteri yg musafir tanpa izin suami

**iv. Kesan nusyuz:**

- Isteri hilang hak sebagai isteri
- Suami tidak bertanggungjawab memberi nafkah
- Isteri tidak mendapat layanan & keadilan dari suami

**v. Adab mendidik isteri yang nusyuz:**

- Suami hendaklah memberi nasihat secara bijaksana
- Asingkan diri dari tempat tidur
- Pukul dengan syarat tidak mencederakannya /bukan pd bhg sensitive Cuma dgn tujuan mengajar dan menginsafkannya
- Hendaklah memberitahu keluarga isteri utk mencari penyelesaian

**vi. Cara memukul isteri yang nusyuz:**

- Memukul untuk tujuan mengajar dan mendidik
- Memukul di tempat yang tidak memudharatkan
- Memukul dengan pukulan yang sederhana
- Alat yang tidak mencederakannya

**v. Langkah mengelak melakukan nusyuz:**

- Memberi didikan agama
- Suami isteri melaksanakan tanggungjawab masing-masing
- Bersikap terbuka dan elak prasangka buruk
- Sentiasa bertolak ansur

**5. FASAKH****i. Pengertian**

- Bahasa : batal
- Istilah : pembatalan ikatan perkahwinan antara suami isteri melalui kuasa kadi.

**ii. Hukum : Harus**

**iii. Sebab di haruskan fasakh**

- Suami tidak bertanggungjawab menunaikan nafkah zahir dan batin.
- Suami berpenyakit yang sukar diubati.
- Suami melakuka kezaliman terhadap isteri.
- Suami hilang melebihi 6 bulan.
- Suami murtad.

**iv. Hikmah diharuskan fasakh.**

- Memberi peluang kepada isteri membuat tuntutan pembatalan perkahwinan.
- Melindungi kaum wanita daripada dianiyai oleh suami.
- Menghindari isteri melakukan nusyuz.
- Menyelamatkan aqidah isteri dan anak-anak kerana suami murtad.
- Memberi peluang isteri memulakan kehidupan baru.

**v. Kesan fasakh**

- Suami isteri tidak boleh rujuk dalam tempuh iddah.
- Boleh berkahwin semula dengan akad dan mahar yang baru.
- Isteri tidak berhak mendapat nafkah semasa iddah.
- Kebajikan anak-anak terabai.
- Rumah tangga akan runtuh.

**6. KHULU'****i. Pengertian**

- Bahasa : Bebas atau cabut
- Syarak : Pembebasan ikatan perkahwinan antara suami dan isteri melalui tebus talak(isteri membayar gantirugi yang dipersetujui bersama)

**ii. Hukum : Harus****iii. Sebab yang mengharuskan khuluk**

- Suami tidak bertanggungjawab
- Isteri bertemu dengan lelaki pilihannya
- Suami tidak mahu menceraikan secara biasa
- Isteri tidak mahu melakukan nusyuz terhadap suaminya
- Tiada penyesuaian antara suami isteri

**iv. Hikmah khuluk**

- Penghormatan kepada isteri supaya boleh bertindak mengikut undang-undang
- Mengelak berlakunya nusyuz
- Menghindarkan sifat ego suami

**v. Kesan khuluk**

- Suami isteri tidak boleh rujuk kembali kecuali melalui akad dan mahar yang baru.
- Runtuhnya institusi keluarga Islam.
- Isteri tidak berhak mendapat nafkah semasa dalam idah.
- Anak-anak akan terjejas kasih saying dan perhatian ibu bapanya.

**7. ZIHAR****i. Pengertian**

- Bahasa : belakang
- Syarak : Suami yang menyamakan isterinya atau mana-mana anggota isterinya dengan ibunya atau mana-mana perempuan yang mahram bagi suaminya

**ii. Rukun**

- Suami
- Isteri
- Orang yang diserupakan
- Sighah

**iii. Sebab berlakunya zihar**

- Kurang ilmu agama atau perkara yang berkaitan dengan kekeluargaan.
- Suka mengikut sifat dan amalan jahiliah.
- Kurang memahami konsep dan pengertian zihar.
- Suami tidak dapat menahan kemarahan dan bersifat tergesa-gesa.

**iv. Langkah mengatasi**

- Mempelajari ilmu agama dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kekeluargaan.
- Tidak mengikut sifat orang-orang Jahiliah.
- Memahami konsep dan pengertian zihar.
- Suami hendaklah menahan kemarahan dan tidak tergesa-gesa menzihar isteri.

**v. Kesan-kesan zihar**

- Suami akan mendapat kemurkaan Allah dan berdosa besar
- Suami isteri diharamkan melakukan persetubuhan
- Suami wajib bayar kifarat
- Menjatuhkan maruah isteri

**vi. Kifarat zihar mengikut tertib**

- Memerdekan seorang hamba
- Suami berpuasa dua bulan berturut-turut
- Jika tidak suami tidak mampu, wajib beri makan 60 orang miskin dengan kadar secupak seorang.

**3. KEMAHIRAN KEIBUBAPAAN****i. Kepentingan ibubapa memberi pendidikan Islam kepada anak-anak:**

- Mendapat didikan agama.
- Berakhhlak mulia.
- Dapat kasih sayang.
- Hindar dari pengaruh gejala sosial.

**ii. Akibat mengabaikan tanggungjawab terhadap anak.:**

- Melahirkan generasi yang tidak berpelajaran dan berakhlak.
- Terlibat dengan gejala sosial.
- Anak-anak hidup tanpa penjagaan dan didikan yang sempurna.
- Anak –anak membesar tanpa kasih sayang.

**4. ANAK AMANAH ALLAH****i. Hukum mengambil anak angkat:**

- Harus.

**ii. Batas-batas pergaularan bersama keluarga angkat**

- Dianggap sebagai ajnabi
- Batas –batas aurat mereka tertakluk kepada ketentuan hukum antara bukan mahram

**iii. Hikmah larangan membinkan / menasabkan anak angkat kepada bapa angkat:**

- Untuk memelihara nasab keluarga
- Menyebabkan pembahagian harta pusaka kepada mereka yang bukan haknya.
- Mengelak daripada mewalikan perkahwinan.
- Menjaga batas pergaularan.

**5. HADHANAH****i. Pengertian**

- Hak penjagaan anak yang masih kecil yang belum mumaiyiz dan tidak mampu menguruskan diri sendiri

**ii. Hukum**

- Wajib.Orang yang mengabaikannya adalah berdosa besar
  - ◆ Orang yang berhak mendapat hak hadhanah ialah ibu.

**iii. Syarat hadhanah**

- Islam
- Berakal
- Dewasa
- Berakhlak mulia dan memelihara kehormatan diri

**iv. Sebab gugur hadhanah**

- Berkahwin dengan lelaki yang tidak mempunyai pertalian nasab dengan kanak-kanak tersebut.
- Berkelakuan buruk secara keterlaluan atau terang-terangan.
- Berpindah tempat kediaman untuk menghalang bapa kanak-kanak menziarahinya.
- Cuai atau menganiayai kanak-kanak tersebut.
- Murtad.Gugur hak hadhanah apabila keluar daripada Islam.

**v. Tempoh hadhanah**

- Tempoh penjagaan berakhir apabila kanak-kanak tersebut tidak lagi memerlukan pemeliharaan disebabkan telah dewasa dan boleh berdikari serta mampu menguruskan segala keperluan asas.